



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (24 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **Iapan (8) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 780 kes**.

#### **A. Kes COVID-19 Baharu (8 Kes Jangkitan Tempatan)**

##### **i) Kes Ke-773**

Kes ini merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang merupakan kontak rapat kepada kes ke-752 dan kes ke-759 yang telah disahkan positif pada 12 dan 15 Oktober 2020. Kes mempunyai sejarah melawat kes ke-752 semasa beliau menjalani kuarantin dirumah. Saringan ujian rT-PCR pertama telah dijalankan pada 13 Oktober 2020 dan kes didapati negatif COVID-19 pada 14 Oktober 2020. Kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin untuk menjalani baki arahan kuarantin 14 hari.

Kes telah menjalani saringan kedua rT-PCR COVID-19 pada 22 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR pada 23 Oktober 2020 mendapati kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Sehingga 24 Oktober 2020, jam 12:00 tengahari, sejumlah enam (6) individu telah disaring, dimana:

- tiga (3) kes dikesan positif COVID-19;
- tiga (3) individu negatif; dan

**ii) Kes Ke-774, 775, dan 776**

Ketiga-tiga kes ini merupakan kontak rapat kepada kes ke-768 yang telah disahkan positif COVID-19 pada 18 Oktober 2020. Ketiga-tiga kes baharu ini dikesan melalui saringan kali kedua pada 23 Oktober 2020. Mereka juga merupakan kontak rapat kepada kes ke-770 yang juga telah mendapat jangkitan daripada kes ke-768.

Ringkasan kes-kes baharu ini adalah seperti berikut:

- **Kes Ke-774:** Seorang wanita warganegara tempatan yang merupakan petugas kesihatan di sebuah fasiliti kesihatan kerajaan di Kuching. Kes mengalami gejala demam dan batuk bermula 14 Oktober 2020.

- **Kes Ke-775:** Seorang wanita warganegara tempatan yang bekerja sebagai tukang cuci di sebuah pusat membeli-belah di Kuching.
- **Kes Ke-776:** Seorang wanita warganegara tempatan yang bekerja sebagai tukang masak di sebuah fasiliti kesihatan kerajaan di Kuching. Kes mengalami gejala demam dan batuk bermula 6 Oktober 2020.

Ketiga-tiga kes ini telah menjalani saringan pertama rT-PCR pada 18 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR pertama adalah negatif untuk COVID-19. Kes-kes ini telah menjalani saringan kedua rT-PCR COVID-19 pada 23 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR pada 23 Oktober 2020 mendapati kes positif COVID-19.

Kesemua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Sehingga 24 Oktober 2020, jam 12:00 tengahari, sejumlah 68 individu telah disaring, dimana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19 termasuk indeks kes;
- 63 individu negative

### **iii) Kes Ke-777 dan 778**

Dua (2) kes ini merupakan kontak rapat kepada kes ke-771 yang telah dilaporkan pada 23 Oktober 2020. Kes-kes ini telah menjalani saringan kendiri di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching pada 23 Oktober 2020 selepas kes ke-771 didapati positif COVID-19. Ringkasan kes-kes baharu ini adalah seperti berikut:

- **Kes Ke-777:** Seorang wanita warganegara tempatan yang bekerja sebagai peniaga di Kuching. Lokasi perniagaan penjual kuih yang positif COVID-19 di daerah Kuching adalah:
  - a. Tapak Pembinaan Jalan Seladah, Jalan Song, berhampiran Sarawak Blessed Church
  - b. Sebelah Batu Kawa Emart
  - c. Berdekatan Steven Yong Shell
  - d. Yongkong Hardware
  - e. Batu 4 1/2 Carwash
  - f. Bako Kaya tempat jual beli buruk
  - g. Royal Richmond Gold Condominium

Individu yang pernah membeli kuih daripada kes ke-771 dan kes ke-777 dalam tempoh dua (2) minggu yang lepas dinasihatkan untuk tampil menjalani saringan COVID-19.

- **Kes Ke-778:** Seorang wanita warganegara tempatan yang merupakan pelajar di China. Kes telah berada di Sarawak sejak 13 Januari 2020.

Kedua-dua kes mempunyai sejarah jangkitan saluran pernafasan seminggu lepas tetapi telah pulih. Kesemua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

**iv) Kes Ke-779**

Kes merupakan seorang surirumah warganegara tempatan yang dikesan selepas kes menjalani saringan COVID-19 di hospital swasta kerana bakal melahirkan anak secara *caesarean*. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 23 Oktober 2020 dan hasil keputusan ujian mendapati kes positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes juga tidak mempunyai sejarah keluar negara atau kawasan berisiko tinggi dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19. Kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes ini dan siasatan lanjut sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan kes ini diketahui, kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

**v) Kes Ke-780**

Kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja sebagai tukang paip di Kuching. Kes telah menjalani saringan kendiri COVID-19 di sebuah fasiliti kesihatan swasta pada 23 Oktober 2020 kerana mengadu batuk, sakit tekak dan sakit badan sejak 22 Oktober 2020. Hasil keputusan ujian rT-PCR mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mempunyai sejarah keluar negara atau kawasan berisiko tinggi dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19. Kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes ini dan siasatan lanjut sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan kes ini diketahui, kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

## **B. Kluster Baharu Yang Diisyiharkan**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengisyiharkan satu (1) kluster baharu iaitu Kluster Baki di Daerah Kuching. Indeks kes kepada kluster ini merupakan kes ke-768 yang telah disahkan pada 18 Oktober 2020. Seramai 68 orang kontak kepada kes ini telah disaring. Satu (1) daripada kontak tersebut iaitu kes ke-770 telah didapati positif COVID-19 pada 22 Oktober 2020 dan tiga (3) lagi kontak iaitu kes ke-774, 775 dan 776 didapati didapati positif COVID-19 pada 23 Oktober 2020. Ini menjadikan jumlah kes dalam Kluster Baki ialah seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Setakat ini Kluster Baki adalah masih terkawal dan hanya melibatkan ahli keluarga terdekat sahaja. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut dan pengesanan kontak lain kepada kluster ini sedang giat dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk mengelak berlakunya perebakan yang lebih serius.

**Active Case Detection (ACD)** bagi kluster ini akan bermula pada 25 Oktober 2020 dan mohon kepada semua yang akan dihubungi oleh KKM untuk memberi kerjasama demi keselamatan dan kesejahteraan awam.

### **C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, satu (1) kluster baharu telah dilaporkan di daerah Kuching iaitu Kluster Baki. Ini menjadikan jumlah kluster yang masih aktif di Sarawak meningkat kepada tiga (3) kluster. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

#### **i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, dimana:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 24 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, empat (4) orang kes yang melibatkan kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Lapan (8) orang kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan berada di dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

**ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Satu (1) kes positif COVID-19 telah dikesan dan didaftarkan di Negeri Selangor.

Sejumlah 190 individu telah disaring dan enam (6) atau 3.16% telah dikesan positif COVID-19 dan 184 individu adalah negatif. Daripada 184 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.5% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 24 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, lima (5) orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Satu (1) kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan kes adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

### **iii) Kluster Baki**

Jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai lima (5) orang termasuk kes indeks. Sehingga 24 Oktober 2020, jam 12:00 tengahari, sejumlah 70 individu telah disaring, dimana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19;
- 65 individu negatif; dan
- tiada (0) individu yang menunggu keputusan.

Sehingga 24 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

## **D. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat enam (6)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes-kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah satu (1) kes dari Hospital Umum Sarawak dan lima (5) kes dari Hospital Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **727** orang atau **93.21%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **34** orang iaitu:

- 27 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- tujuh (7) kes di Hospital Miri

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.44%**.

Hari ini **19 PUI** baru telah dilaporkan dan **lima (5)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

**Hari ini, Bintulu telah bertukar status daripada kuning kepada hijau kerana tiada kes dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.** Daerah Kuching kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai 20 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Terdapat pertambahan lapan (8) kes tempatan bagi daerah Kuching pada hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah yang masih berstatus Kuning adalah satu (1) buah daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **10 kompaun** di Daerah Kuching (8) dan Miri (2).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **56 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (18), SMC (15), MD Marudi (15), MD Serian (5) dan MB Miri (3).

### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,370 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (182), Restoran (253), Kilang (7), Bank (99), Pejabat Kerajaan (45), Penjaja (32), Pasar Tani/Awam (46), Tempat Ibadah (52), Tempat Riadah (35), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (606).

Seramai **530 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (249), ATM (31), RELA (125), APM (83), PBT (32), KKM (7) dan lain-lain agensi (3).

### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **8 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lundu (2), Lawas (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 8 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **952** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**24 OKTOBER 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

|                          |         |                                                             |      |           |
|--------------------------|---------|-------------------------------------------------------------|------|-----------|
| Kes Terdahulu            | 772     | Kes sedang dirawat di hospital                              | 34   | 4.36%     |
| Kes Baharu               | 8       | Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>                     | 0    | 0.00%     |
| Jumlah Individu Disampel | 135,593 | Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> ) | 0    | 0.00%     |
| Kes Positif Keseluruhan  | 780     | Jumlah kes kematian                                         | 19   | 2.44%     |
| IR per 100,000 penduduk  | 25.28   | Kes telah sembuh dan discaj                                 | 727  | 93.21%    |
| Keputusan Makmal (PUI)   | Baru    | Patient Under Investigation (PUI)                           | Baru | Kumulatif |
| Negatif                  | 6       |                                                             | 19   | 9,962     |
| Menunggu keputusan       | 4       |                                                             | 5    |           |

| Status Semasa                                                               |           | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | JUMLAH |
|-----------------------------------------------------------------------------|-----------|-------------|---------------|------------------|---------------|-----------------------|--------|
| Kes sedang dirawat di hospital                                              |           | 27          | 0             | 0                | 7             | 0                     | 34     |
| Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>                                     |           | 0           | 0             | 0                | 0             | 0                     | 0      |
| Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )                 |           | 0           | 0             | 0                | 0             | 0                     | 0      |
| Jumlah kes kematian                                                         |           | 17          | 0             | 0                | 2             | 0                     | 19     |
| Kes telah sembuh dan discaj                                                 | Baru      | 1           | 0             | 5                | 0             | 0                     | 6      |
|                                                                             | Kumulatif | 604         | 39            | 46               | 36            | 2                     | 727    |
| Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> ) |           | 9           | 9             | 3                | 1             | 0                     | 22     |

| DAERAH KUNING (1) |         |                             |       |              |      |            |      |          |      |                                                 |                                                 |                                                          |
|-------------------|---------|-----------------------------|-------|--------------|------|------------|------|----------|------|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|
| No.               | Daerah  | Patient Under Investigation |       | Kes COVID-19 |      | Kes Discaj |      | Kematian |      | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
|                   |         | Baru                        | Kum.  | Baru         | Kum. | Baru       | Kum. | Baru     | Kum. |                                                 |                                                 |                                                          |
| 1                 | Kuching | 18                          | 6,600 | 8            | 478  | 1          | 440  | 0        | 12   | 26                                              | 25                                              | 20                                                       |
| Jumlah            |         | 18                          | 6,600 | 8            | 478  | 1          | 440  | 0        | 12   | 26                                              | 25                                              | 20                                                       |

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

| DAERAH HIJAU (39) |               |                             |              |              |            |            |            |          |          |                                                 |                                                 |                                                          |
|-------------------|---------------|-----------------------------|--------------|--------------|------------|------------|------------|----------|----------|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|
| No.               | Daerah        | Patient Under Investigation |              | Kes COVID-19 |            | Kes Discaj |            | Kematian |          | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
|                   |               | Baru                        | Kum.         | Baru         | Kum.       | Baru       | Kum.       | Baru     | Kum.     |                                                 |                                                 |                                                          |
| 1                 | Bintulu       | 1                           | 312          | 0            | 46         | 5          | 46         | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 2                 | Lubok Antu    | 0                           | 28           | 0            | 3          | 0          | 3          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 3                 | Sibu          | 0                           | 116          | 0            | 15         | 0          | 15         | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 4                 | Lawas         | 0                           | 21           | 0            | 4          | 0          | 4          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 5                 | Serian        | 0                           | 314          | 0            | 24         | 0          | 24         | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 6                 | Lundu         | 0                           | 257          | 0            | 3          | 0          | 3          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 7                 | Bau           | 0                           | 179          | 0            | 7          | 0          | 7          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 8                 | Samarahan     | 0                           | 570          | 0            | 113        | 0          | 108        | 0        | 4        | 1                                               | 1                                               | 0                                                        |
| 9                 | Simunjan      | 0                           | 63           | 0            | 8          | 0          | 8          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 10                | Tanjung Manis | 0                           | 23           | 0            | 1          | 0          | 1          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 11                | Tebedu        | 0                           | 6            | 0            | 3          | 0          | 3          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 12                | Limbang       | 0                           | 32           | 0            | 10         | 0          | 8          | 0        | 1        | 1                                               | 1                                               | 0                                                        |
| 13                | Miri          | 0                           | 843          | 0            | 31         | 0          | 24         | 0        | 1        | 6                                               | 2                                               | 0                                                        |
| 14                | Asajaya       | 0                           | 44           | 0            | 5          | 0          | 5          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 15                | Sri Aman      | 0                           | 54           | 0            | 4          | 0          | 3          | 0        | 1        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 16                | Betong        | 0                           | 190          | 0            | 16         | 0          | 16         | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 17                | Mukah         | 0                           | 48           | 0            | 1          | 0          | 1          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 18                | Matu          | 0                           | 5            | 0            | 1          | 0          | 1          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 19                | Sarikei       | 0                           | 92           | 0            | 6          | 0          | 6          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 20                | Saratok       | 0                           | 26           | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 21                | Pusa          | 0                           | 8            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 22                | Kabong        | 0                           | 3            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 23                | Meradong      | 0                           | 35           | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 24                | Julau         | 0                           | 1            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 25                | Pakan         | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 26                | Kanowit       | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 27                | Selangau      | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 28                | Tatau         | 0                           | 9            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 29                | Sebauh        | 0                           | 2            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 30                | Dalat         | 0                           | 14           | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 31                | Daro          | 0                           | 7            | 0            | 1          | 0          | 1          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 32                | Kapit         | 0                           | 34           | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 33                | Belaga        | 0                           | 9            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 34                | Song          | 0                           | 4            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 35                | Bukit Mabong  | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 36                | Marudi        | 0                           | 13           | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 37                | Subis         | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 38                | Beluru        | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| 39                | Telang Usan   | 0                           | 0            | 0            | 0          | 0          | 0          | 0        | 0        | 0                                               | 0                                               | 0                                                        |
| <b>Jumlah</b>     |               | <b>1</b>                    | <b>3,362</b> | <b>0</b>     | <b>302</b> | <b>5</b>   | <b>287</b> | <b>0</b> | <b>7</b> | <b>8</b>                                        | <b>4</b>                                        | <b>0</b>                                                 |

|              |    |       |   |     |   |     |   |    |    |    |    |
|--------------|----|-------|---|-----|---|-----|---|----|----|----|----|
| Jumlah Besar | 19 | 9,962 | 8 | 780 | 6 | 727 | 0 | 19 | 34 | 29 | 20 |
|--------------|----|-------|---|-----|---|-----|---|----|----|----|----|

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **125 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **1,868 orang**. Manakala seramai **28,009 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 24.10.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL               | BAHAGIAN        | HOTEL                   | BILANGAN PUS |
|-------------------|-----------------|-------------------------|--------------|
| 1                 | Kuching (1,095) | Hock Lee                | 74           |
| 2                 |                 | Kuching Park            | 104          |
| 3                 |                 | Hilton                  | 312          |
| 4                 |                 | Harbour View            | 231          |
| 5                 |                 | Riverside (Astana Wing) | 196          |
| 6                 |                 | Tune Hotel              | 97           |
| 7                 |                 | Dormani Hotel           | 49           |
| 8                 |                 | Grand Continental       | 32           |
| 9                 | Miri (508)      | Mega Hotel              | 120          |
| 10                |                 | Imperial Palace         | 65           |
| 11                |                 | Eastwood Valley         | 56           |
| 12                |                 | Meritz                  | 94           |
| 13                |                 | Miri                    | 32           |
| 14                |                 | Dynasty                 | 98           |
| 15                |                 | Citi Hotel              | 43           |
| 16                | Bintulu (62)    | Wasan Inn               | 0            |
| 17                |                 | Motel Kapok             | 34           |
| 18                |                 | Faber Inn               | 28           |
| 19                | Limbang (106)   | Purnama                 | 55           |
| 20                |                 | Seri Malaysia (Lawas)   | 28           |
| 21                |                 | Shangshan (Lawas)       | 15           |
| 22                |                 | Mandarin (Lawas)        | 8            |
| 23                | Sibu (97)       | Premier                 | 97           |
| <b>Jumlah PUS</b> |                 |                         | <b>1,868</b> |

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **9 lokasi di Kuching (4), Miri (3), Sri Aman (1) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,832 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 24.10.2020 @ 8.00 pagi)

| <b>BIL</b>                | <b>BAHAGIAN</b> | <b>OPERASI SEMASA</b> | <b>OPERASI TERKUMPUL</b> |
|---------------------------|-----------------|-----------------------|--------------------------|
| <b>1</b>                  | <b>Kuching</b>  | <b>4</b>              | <b>593</b>               |
| <b>2</b>                  | <b>Miri</b>     | <b>3</b>              | <b>343</b>               |
| <b>3</b>                  | <b>Sibu</b>     | <b>1</b>              | <b>184</b>               |
| 4                         | Samarahan       | TIADA                 | 122                      |
| 5                         | Bintulu         | TIADA                 | 115                      |
| 6                         | Sarikei         | TIADA                 | 113                      |
| 7                         | Limbang         | TIADA                 | 86                       |
| 8                         | Serian          | TIADA                 | 67                       |
| 9                         | Betong          | TIADA                 | 57                       |
| <b>10</b>                 | <b>Sri Aman</b> | <b>1</b>              | <b>52</b>                |
| 11                        | Kapit           | TIADA                 | 51                       |
| 12                        | Mukah           | TIADA                 | 49                       |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                 |                       | <b>1,832</b>             |

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **45 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 24.10.2020 @ 8.00 pagi)

| <b>BIL</b>    | <b>BAHAGIAN</b> | <b>LOKASI</b> |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1             | MP Padawan      | 1             |
| 2             | MD Serian       | 3             |
| 3             | MD Sri Aman     | 4             |
| 4             | MD Lubok Antu   | 1             |
| 5             | MP Sibu         | 9             |
| 6             | BDA             | 5             |
| 7             | MCC             | 13            |
| 8             | MD Marudi       | 5             |
| 9             | MD Subis        | 1             |
| 10            | MD Limbang      | 2             |
| 11            | MD Lawas        | 1             |
| <b>Jumlah</b> |                 | <b>45</b>     |